

27 JAN 2003

MSC-LAWATAN PEGAWAI/I

PEGAWAI KANAN KERAJAAN LAWAT PUSAT PERDANA MSC DAN CHIME

KUALA LUMPUR, 27 JAN (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) hari ini menjadi tuan rumah kepada lebih daripada 20 pegawai kanan dan 30 pegawai pelbagai kementerian kerajaan dalam lawatan mereka ke Pusat Perdana MSC dan Pusat bagi Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (CHIME).

Lawatan itu akan membantu MDC dan kementerian-kementerian kerajaan ini meninjau faedah yang ditawarkan oleh pusat-pusat ini dalam bidang pelancongan, pJANidikan, pertahanan dan penjagaan kesihatan, demikian menurut MDC dalam satu kenyataan di sini.

Pegawai-pegawai kanan itu yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kerajaan, Tan Sri Samsuddin Osman melawat pusat ini sebagai susulan kepada lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri-menteri Kabinet Malaysia pada 21 Okt, 2002.

Kemudahan canggih pusat-pusat ini boleh diguna sepenuhnya oleh kedua-dua pihak kerajaan dan sektor swasta untuk meningkatkan prestasi mereka terutamanya di mana melibatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), katanya.

Dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Pusat Perdana MSC dan CHIME diperkenalkan sebagai pusat kecemerlangan dengan persekitaran unik bagi memangkin pertumbuhan dan pelbagai aplikasi kreatif, memudahkan integrasi Aplikasi Perdana Bersilang dan inter-operasi dan merangsangkan pertumbuhan perusahaan dan industri tele-kesihatan di Malaysia.

Dua komponen utama Pusat Perdana MSC ialah Makmal MSC dan Pusat Aplikasi Kreatif dan Pembangunan (CADC), katanya.

Dengan menggunakan kreativiti dan teknologi, adalah diharapkan yang Makmal MSC dapat mencapai objektif berikut:

- *Wadah bagi memasarkan rumusan MSC seperti Aplikasi Perdana MSC;
- *Memudahkan e-Inovasi dan mengubah program pengurusan;
- *Wadah bagi mengJANalikan penilaian rumusan dan inter-operasi; dan
- *Memudahkan kewujudan Hartanah Intelektual Malaysia (IP) terutamanya dalam bidang Aplikasi Perdana.

CADC, usaha bersama Silicon Graphics Incorporated menyediakan tiga perkhidmatan bersepadu sofistikated bertaraf dunia kepada industri dengan keupayaan interaksi sepenuhnya; Perkomputeran Prestasi Tinggi, Rangkaian Bidang Visualisasi (VAN) dan kemudahan persembahan, katanya.

Yang paling menonjol dalam kemudahan CADC ialah Pusat Realiti Maya MSC. Ia merupakan persekitaran gabungan data di mana grafik komputer dan elemen alpha-numerik boleh disepadukan bagi membenarkan penggunanya mJANapat maklumat menyeluruh yang lebih baik berkenaan dengan reka bentuk kejuruteraan, kajian simulasi, permodelan kompleks dan saluran kepada pelbagai pJANidikan saintifik dan hiburan berkaitan aplikasi.

CHIME pula merupakan pusat kecemerlangan dalam MSC yang akan terus meningkatkan inisiatif tele-kesihatan dalam inovasi, R&D dan inkubasi perusahaan yang sebaliknya pula akan memperlihatkan penjagaan kesihatan yang lebih baik, meningkatkan kesihatan orang ramai dan menangani isu-isu kesihatan hingga ke akar umbi, katanya.

CHIME menawarkan manfaat kepada mana-mana perusahaan penjagaan kesihatan yang berhasrat untuk memajukan teknologi atau idea di pusat itu. Antaranya ialah:

- * Penasihat profesional dan program mentoring oleh pengurusan CHIME dan profesional industri;

*Akses kepada perkhidmatan infrastruktur termasuklah telekomunikasi, ruang pejabat dan perkhidmatan;

*Insentif kewangan yang menarik termasuklah subsidi sewaan, pembiayaan projek bersama dan manfaat status MSC.

Kedua-dua pusat itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat MSC IAP ke-6 pada 6 Sept, 2002. --

BERNAMA

MSL KTC AA